



**KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM**

TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HUANG TIONG SII
TIMBALAN MENTERI SUMBER ASLI DAN
KELESTARIAN ALAM**

SEMPENA

**SESI LIBAT URUS DAN DIALOG BERSAMA PENDUDUK
DAN WAKIL AGENSI KERAJAAN BERKAITAN ISU
PENCEMARAN SUNGAI SEGALIUD, SANDAKAN, SABAH
PADA 20 APRIL 2025**

20 APRIL 2025 (AHAD)

SANDAKAN, SABAH

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI,

-SALUTASI-

1. **Yang Berhormat Puan Vivian Wong Shir Yee**
Ahli Parlimen Sandakan
2. **Yang Berhormat Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan**
Ahli Parlimen Batu Sapi
3. **Yang Berbahagia Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar**
Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar
4. Ketua-ketua Jabatan
5. Wakil-wakil agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri
6. Pemimpin-pemimpin masyarakat
7. Ketua-ketua kampung
8. Wakil-wakil industri
9. Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

1. Pertama sekali, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang dapat hadir ke sesi libat urus dan dialog pada hari ini. Kehadiran Tuan-tuan dan Puan-Puan hari ini melambangkan komitmen kita bersama untuk menjaga kelestarian alam sekitar, khususnya dalam memastikan kelangsungan dan keseimbangan ekosistem Sungai Segaliud, Sandakan, Sabah.

2. Sesi pada hari ini bertujuan untuk membuka ruang untuk kita semua berkongsi pandangan, cadangan dan komitmen dalam memastikan pengurusan dan pemuliharaan Sungai Segaliud berjalan dengan lebih mampan. Saya yakin dengan kerjasama semua pihak, kita dapat menghasilkan penyelesaian yang menyeluruh dan adil.

3. Sungai Segaliud merupakan salah satu sumber air yang amat bernilai, bukan sahaja untuk komuniti setempat, tetapi juga sebagai sebahagian daripada khazanah alam negara kita. Namun begitu, kita tidak boleh mengabaikan cabaran yang dihadapi dalam melindungi sungai ini daripada pencemaran, pembangunan tidak terkawal dan impak perubahan iklim.

4. Saya juga ingin menekankan bahawa Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam atau yang kita kenali juga sebagai NRES, sentiasa memandang serius terhadap isu pencemaran sungai ini, khususnya Sungai Segaliud yang sangat penting kerana ia menjadi sumber utama yang membekalkan air kepada lebih 320,000 penduduk di daerah Sandakan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

5. Kementerian ini melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah memantau secara berterusan kualiti air Sungai Segaliud ini sejak tahun 2019 melalui dua stesen kualiti air manual. Melalui stesen pemantauan ini, kita dapati bahawa Sungai Segaliud berada pada kualiti yang baik dan pada tahun 2023, Sungai Segaliud kekal berada di dalam kategori “Sungai Bersih”.

6. JAS juga sentiasa mengawasi kilang-kilang kelapa sawit yang beroperasi di sekitar Sungai Segaliud. Berdasarkan pemantauan terkini yang telah dijalankan, kesemua kilang kelapa sawit ini didapati mematuhi syarat pelepasan efluen sebagaimana ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

7. JAS akan meneruskan pemantauan terhadap pematuhan aktiviti industri dan pertanian di kawasan lembangan sungai supaya sebarang aktiviti dijalankan mengikut syarat yang telah ditetapkan dan tidak menjejaskan alam sekitar.

8. Namun, kita juga perlu jelas bahawa terdapat faktor-faktor lain yang turut memberi kesan kepada kualiti air Sungai Segaliud ini. Faktor-faktor ini perlu dikaji dengan lebih mendalam dan pihak-pihak yang bertanggungjawab perlu melaksanakan fungsi masing-masing secara berkesan bagi terus menjamin kelestarian Sungai Segaliud.

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Kementerian ini menyedari sepenuhnya cabaran yang dihadapi oleh Sungai Segaliud, khususnya isu pencemaran yang memberi kesan kepada ekosistem, sumber air, dan kesejahteraan komuniti sekitarnya. Kami memahami bahawa isu ini memerlukan perhatian segera dan pendekatan yang menyeluruh bagi memastikan sungai ini kekal terpelihara.

10. NRES bersama-sama dengan JAS juga sentiasa memberikan komitmen yang teguh terhadap kesejahteraan alam sekitar, khususnya dalam menangani isu-isu pencemaran yang melibatkan Sungai

Segaliud. JAS sentiasa mengambil berat isu pencemaran ini dengan penuh tanggungjawab. Aduan-aduan yang diterima sentiasa diberi perhatian serius dan tindakan pantas sentiasa diambil bagi memastikan permasalahan yang timbul dapat diselesaikan dengan segera.

11. Selain itu, JAS juga terus mempergiat usaha pemantauan secara berterusan untuk memastikan tahap kualiti air Sungai Segaliud berada dalam keadaan yang selamat dan terpelihara. Kementerian turut memberi jaminan bahawa sebarang aduan yang diterima akan diteliti dan disiasat secara objektif dan sekiranya didapati berlaku pelanggaran undang-undang, tindakan tegas akan diambil tanpa kompromi.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

12. Sebagai sebahagian daripada komitmen berterusan NRES, kami akan terus berusaha untuk memastikan kualiti air sungai sentiasa berada pada tahap yang baik melalui pelaksanaan dasar-dasar mampan, pemantauan yang teratur, dan penguatkuasaan undang-undang alam sekitar yang lebih tegas. NRES juga bekerjasama dengan pelbagai pihak, termasuk masyarakat dan sektor swasta, untuk menjaga sungai dan meningkatkan kesedaran tentang alam sekitar.

13. Namun, kami turut ingin menegaskan bahawa tanggungjawab menjaga kelestarian sungai adalah tanggungjawab bersama yang memerlukan kerjasama erat antara Kerajaan, sektor swasta dan orang ramai. Kerajaan boleh menggubal dasar dan menguatkuasakan undang-undang, manakala sektor swasta boleh menyokong dengan teknologi serta sumber kewangan. Orang ramai pula boleh memainkan peranan dengan menjaga kebersihan sungai dan meningkatkan kesedaran masyarakat. Hanya dengan usaha bersama, kita dapat

memastikan sungai kekal bersih dan bermanfaat untuk semua.

14. Adalah menjadi hasrat semua pihak untuk melihat Sungai Segaliud dipulihkan dan terus menjadi sumber air yang bersih, lestari dan terjamin untuk kegunaan generasi masa kini dan masa hadapan.

15. Akhir kata, marilah kita manfaatkan peluang sesi ini dengan sebaik-baiknya. Saya berharap sesi libat urus ini akan membuahkan hasil dan membawa perubahan positif kepada pengurusan Sungai Segaliud.

Sekian, terima kasih.